

**Maybank Dapat Maklum Balas Menggalakkan Untuk SARA 1Malaysia
Bernama
30 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Maybank telah mendapat maklum balas pertanyaan yang menggalakkan beserta pengemukaan borang permohonan oleh para pemohon seluruh negara untuk melabur dalam Skim Amanah Rakyat 1Malaysia (SARA 1Malaysia).

SARA 1Malaysia, yang dilaksanakan oleh Permodalan Nasional Bhd (PNB), dibuka untuk permohonan, bermula hari ini.

"Kami menerima banyak pertanyaan dan permintaan dari seluruh negara termasuk dari kawasan luar bandar. Perkembangan ini menunjukkan meningkatnya minat dan kesedaran awam terhadap bidang pelaburan khususnya pelaburan dalam unit amanah," kata Ketua Pengguna Kewangan Maybank, Hamirullah Boorhan dalam satu kenyataan Isnin ini.

"Kami menyediakan kaunter khas untuk memudahkan pelabur membuat permohonan skim Sara 1Malaysia dan kakitangan kami sedia membantu dan memberi perkhidmatan bagi membolehkan pelabur meraih manfaat daripada skim pelaburan yang menarik ini," kata Hamirullah.

"Ini adalah peluang pelaburan yang sangat menarik, dan oleh itu kami mahu menyeru dan menggalakkan pelabur yang layak untuk mengambil kesempatan melabur dalam skim ini," katanya.

SARA 1Malaysia diuruskan oleh jentera tujuan khas (SPV), Malaysian Development Holdings Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Kementerian Kewangan Diperbadankan.

SPV ini akan menyediakan jaminan untuk pelaburan dalam SARA 1Malaysia, skim khas yang bertujuan menggalakkan kumpulan berpendapatan rendah menyimpan dan melabur.

Mereka dengan pendapatan kasar antara RM500 dan RM3,000 sebulan layak memohon untuk skim pelaburan dan simpanan ini.

Skim ini dilancarkan pada 12 Januari oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=643054>